

20/06/1997

Mahathir, Suharto bincang masalah pelabur Malaysia

BANGI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto sudah membincangkan masalah pelabur Malaysia di Indonesia terutama dalam sektor perladangan kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata kedua-dua pemimpin itu membincangkannya ketika menghadiri sidang kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) di Istanbul minggu lalu.

"Bagaimanapun saya tidak diberitahu mengenai hasil perbincangan itu," katanya selepas merasmikan seminar pemindahan teknologi Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (Porim) hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Porim, Tan Sri Basir Ismail, dan Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Yusof Basiron.

Awal minggu lalu, Dr Lim mengumumkan bahawa kertas kerja mengenai masalah itu sudah diserahkan kepada Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk tindakan lanjut.

Sekurang-kurangnya 19 syarikat Malaysia yang melabur dalam sektor perladangan terutama kelapa sawit di Indonesia mengalami masalah berikutan tindakan republik itu membekukan sementara pelaburan asing sektor berkenaan, November lalu.

Dr Lim berkata, kementerianya sedang mengkaji bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada pekebun kecil kelapa sawit yang tidak dibantu oleh agensi kerajaan bagi membolehkan mereka melaksanakan penanaman semula.

"Kementerian bercadang meminta kerajaan menyediakan kemudahan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah untuk tujuan itu dan bukan mengadakan tabungan khas seperti skim penanaman semula getah yang diurus oleh Risda," katanya.

(END)